

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]

TARIKH :

SOALAN :

Dr. Ismail bin Daut[Merbok] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan adakah Kementerian akan memantau pencemaran dan pemusnahan hutan-hutan simpanan dan hutan bakau. Pembakaran terbuka, aktiviti balak dan pembuangan sisa-sisa di kawasan tersebut berlaku dengan amat berleluasa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertuan,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) sentiasa menjalankan aktiviti pemantauan penguatkuasaan hutan dalam hutan simpanan kekal dan akan mengambil tindakan ke atas sebarang aktiviti yang melanggar Seksyen 15, 81, 82 dan 83 Akta Perhutanan Negara 1984.

Selain itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga memantau aktiviti pembakaran terbuka, pembalakan dan pembuangan sisa-sisa di hutan-hutan simpanan dan paya bakau bagi aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang DiTetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987, melalui pematuhan terhadap syarat-syarat kelulusan EIA bagi cadangan projek yang telah mendapat kelulusan laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA) dan keperluan mematuhi peruntukan lain di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

SOALAN : 17

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah kajian impak kepuasan pengguna KLIA2 telah dijalankan sejak pembukaannya pada 2 Mei 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Terminal KLIA2 mula beroperasi pada suku tahun kedua 2014 iaitu pada 2 Mei 2014. *Airports Council International* (ACI) telah menjalankan kajian bagi *Airports Service Quality* (ASQ) 2014 di mana sejak mula beroperasi, Terminal KLIA2 telah mencatatkan peningkatan dalam prestasi pencapaian kepuasan pelanggan jika dibandingkan dengan suku tahun-suku tahun sebelumnya pada tahun yang sama iaitu seperti berikut:

| SUKU TAHUNAN | PENCAPAIAN (max. 5.00) |
|---------------------|----------------------------------|
| Q2 2014 | 4.75 |
| Q3 2014 | 4.76 |
| Q4 2014 | 4.83 |